



Nestlé Good food, Good life

Siaran Akhbar

Petaling Jaya, 20 Oktober 2022

MILO® Berkhasiat Kegemaran Kanak-kanak Kini dengan Lebih Kalsium

MILO® memperkenalkan varian UHT baharu, MILO® CALCIUM Pluz™ yang mengandungi jumlah Kalsium dan Vitamin D setara dengan segelas susu dalam setiap hidangan. Sebagai sebahagian daripada rangkaian produk UHT MILO® berkhasiat yang semakin berkembang, MILO® CALCIUM Pluz™ menyediakan penyelesaian mudah kepada kaum ibu untuk memenuhi keperluan pemakanan anak-anak mereka dalam menghadapi hari-hari persekolahan.

Diperbuat daripada kebaikan susu, barley malt dan koko, MILO® CALCIUM Pluz™ padat dengan gabungan unik vitamin dan mineral penting, termasuk Vitamin B2 yang membebaskan tenaga daripada makanan serta Vitamin D yang membantu tubuh dalam penyerapan Kalsium. Dengan 2x Kalsium serta lebih susu dalam setiap hidangan¹, MILO® CALCIUM Pluz™ tinggi dengan Kalsium yang membantu pertumbuhan tulang dan gigi yang kuat.

"Kami teruja untuk memperkenalkan MILO® CALCIUM Pluz™ bagi membantu ibu-ibu memberikan yang terbaik kepada anak-anak mereka. Dengan rutin persekolahan yang kini kembali padat, ibu-ibu ingin memastikan bahawa mereka membekalkan nutrisi yang sesuai untuk anak-anak agar mereka kekal bertenaga dan penuh minat di sekolah. Mereka mahukan sesuatu yang berkhasiat dan lazat yang setanding dengan kebaikan susu. Dengan vitamin dan mineral yang seimbang, termasuk kandungan Kalsium yang tinggi, MILO® CALCIUM Pluz™ dapat membantu meningkatkan pengambilan nutrien dalam kalangan kanak-kanak dengan rasa hebat MILO® kegemaran mereka, di samping membekalkan mereka tenaga untuk melangkah lebih jauh di sekolah, tidak kira apa jua yang ingin dicapai," kata April Wong, Pegawai Eksekutif Perniagaan – Perniagaan Sedia Diminum, Nestlé (Malaysia) Berhad.

MILO® CALCIUM Pluz™ sesuai dipadankan dengan hidangan yang berkhasiat dan seimbang, terutamanya yang disediakan mengikut konsep Pinggan Sihat Malaysia iaitu Suku-Suku-Separuh. Ia juga pilihan tepat sebagai padanan bekal makanan ke sekolah untuk ibu-ibu memenuhi keperluan tenaga anak-anak.

¹ Berbanding dengan MILO® UHT biasa.

Didatangkan dalam pek 200ml sekali hidang, MILO® CALCIUM Pluz™ boleh didapati di semua kedai serbaneka, pasar mini, pasar raya dan pasar raya besar serta laman e-dagang utama. Untuk maklumat lanjut tentang MILO® CALCIUM Pluz™, layari: www.milo.com.my

###

Tentang MILO®

MILO® merupakan minuman malt coklat berkhasiat yang terkemuka di Malaysia dengan rasa ikonik kegemaran ramai. Dengan gabungan unik kebaikan barli malt, susu dan koko serta 6 vitamin dan 3 mineral, MILO® telah memupuk generasi juara turun-temurun dengan tenaga untuk melangkah jauh. Selama lebih 70 tahun, MILO® telah membangun bersama Malaysia dan menjadi sebahagian daripada warisan sukan negara, bukan sahaja dari segi membekalkan nutrisi kepada atlet-atlet malah menyediakan platform untuk mereka berkembang dan berjaya melalui pelbagai program sukan akar umbi MILO®.

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Beribu pejabat di Switzerland, Nestlé beroperasi di 180 buah negara di seluruh dunia, dan seramai 270,000 orang kakitangan kami komited terhadap matlamat Nestlé, iaitu untuk meningkatkan kualiti hidup dan menyumbang ke arah masa depan yang lebih sihat. Prestasi kami dipacu oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak 1912, kami telah menjana khasiat rakyat Malaysia menerusi jenama dan produk kami yang bermutu tinggi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan ketelusan produk Halal kami.

Ini sejajar dengan janji kami untuk menawarkan GOOD FOOD, GOOD LIFE kepada semua. Untuk ketahui lebih lanjut tentang usaha kami menjana khasiat rakyat Malaysia melebihi seabad, sila layari www.nestle.com.my atau kunjungi laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk pertanyaan media, sila hubungi:

Zaki Arzmi

Ogilvy Malaysia

Tel: +6 016 292 2948

Emel: zaki.arzmi@ogilvy.com

Afiq Ismail Osman

Ogilvy Malaysia

Tel: +6 013 3554 016

Emel: afiq.osman@ogilvy.com